

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

HKT 322 - Teori dan Kaedah Dalam Kesusasteraan Bandingan

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNG LAPAN [ 8 ] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada Bahagian A dan DUA [2] lagi daripada Bahagian B.

SEMUA soalan membawa nilai markah yang sama

BAHAGIAN A

1. Sejauhmanakah benarnya andaian bahawa universalisme menjadi asas utama disiplin/bidang pengajian Kesusasteraan Bandingan? Bagaimanakah asas ini berinteraksi dengan semangat nasionalisme yang wujud di kebanyakan negara di dunia? Jawab dengan merujuk terutamanya kepada zaman permulaan disiplin ini di Eropah.
2. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang tepat, bincangkan perkembangan disiplin Kesusasteraan Bandingan di beberapa negara di Afrika dan Asia dalam era pasca-kolonial. Jelaskan juga peranan disiplin ini dalam usaha masyarakat di negara-negara berkenaan memajukan kesusasteraan kebangsaan masing-masing.
3. Bincangkan fenomena *Eurocentrism* dalam bidang politik dan kebudayaan secara am dalam abad ke-19. Jelaskan dengan lebih terperinci kesan fenomena ini ke atas disiplin Kesusasteraan Bandingan dalam zaman awalnya.
4. Bidang-bidang kajian yang agak baru seperti Wacana Pasca-kolonial, Kajian Terjemahan, dan Pengajian Wanita dianggapkan telah mengesani Kesusasteraan Bandingan di akhir abad ini. Sejauhmanakah anda bersetuju dengan anggapan tersebut? Jawab dengan memberi contoh-contoh yang tepat.

**BAHAGIAN B**

5. Jelaskan apa yang dimaksudkan dengan pendekatan tematologi dalam Kesusasteraan Bandingan. Kemudian nyatakan mengapa pendekatan tematologi dianggap sebagai satu pendekatan tekstual. Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai, jelaskan pola kajian dalam pendekatan ini.
6. Merujuk kepada contoh-contoh yang tepat, bincangkan corak kajian dalam pendekatan genetik. Seterusnya,uraikan perbezaan antara pendekatan genetik dan tematik.
7. Pendekatan generik ialah pendekatan yang menerima genre sebagai satu institusi. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai jelaskan maksud di atas. Kemudian analisiskan kekuatan dan kelemahan pendekatan ini.
8. Jelaskan perbezaan di antara novel dan filem. Perbezaan ini tidak menghalang novel diadaptasi ke filem. Namun adaptasi ini telah menimbulkan polimik yang berterusan. Berdasarkan contoh-contoh adaptasi yang sesuai bincangkan dua pandangan yang terlibat dalam polimik ini.